



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	12 October 2015

Hentikan segera pertelingkahan dalam komponen BN - Najib

UM-12/10/2015

KUALA LUMPUR 11 Okt. - Datuk Seri Najib Tun Razak meminta semua parti komponen Barisan Nasional (BN) menghentikan pertelingkahan dalaman dan memberi fokus kepada usaha memperkukuhkan parti sebelum pilihan raya umum akan datang.

Menurut Perdana Menteri, BN tidak akan berada pada kekuatan terbaik jika terdapat parti komponen bermasalah akibat politik dalaman sehingga menyaksikan berlaku pertukaran jawatan di peringkat pucuk pimpinan tertinggi secara kerap.

Mengambil MCA sebagai contoh, beliau yang juga Pengerusi BN berkata, parti komponen kedua terbesar BN itu menjadi lemah dalam dua pilihan raya umum lalu disebabkan masalah dalaman hingga menyaksikan jawatan Presiden beberapa kali bertukar tangan.

"Tetapi sekarang kita sudah ada kepimpinan MCA baharu yang hubungan di antara Presiden dan Timbalan Presiden cukup baik bersama-sama dengan Setiausaha Agung MCA yang baharu sahaja dilantik ke dalam Kabinet.

"Jangan kita perkecilkan benda ini (masalah dalaman), hentikan pertelingkahan. Pilihan raya umum tidak lama lagi, kita kena fokus jika

mahu mencapai kejayaan dengan keputusan lebih baik," katanya semasa berucap merasmikan Perhimpunan Agung MCA Ke-62 di Wisma MCA di sini hari ini.

Yang turut hadir, Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai; timbalannya, Datuk Dr. Wee Ka Siong dan Duta China ke Malaysia, Dr. Huang Huikang.

Dalam perkembangan berasingan, Najib berkata, BN akan sentiasa berpegang kepada kontrak sosial yang bukan sahaja menjadi asas pembinaan negara bangsa tetapi terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan itu tegas beliau, cadangan supaya dihapuskan sekolah vernakular di negara ini dan menggantikannya dengan sekolah satu aliran tidak akan menjadi polisi BN.

"Kalau ada pihak mengatakan, suara berkata kita patut hapuskan sekolah jenis kebangsaan dan mewujudkan sekolah satu aliran, itu bukan polisi BN. Dasar kita berasaskan kepelbagaian etnik, budaya, bahasa dan agama.

"Ini bukanlah saya menentukan tetapi telah dipersetujui oleh bapa-bapa kemerdekaan kita. Kita mengikuti sistem ini dan banyak kejayaan dicapai," katanya.